



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

**Perutusan Tahun Baharu 2025
Menteri Pertahanan Malaysia.**

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini.
2. Saya ingin mulakan dengan menegaskan bahawa untuk tahun 2025, kita semua mesti bekerja dengan lebih kuat.
3. Secara peribadi, ini merupakan tahun kedua saya di Kementerian ini. Dengan bantuan, sokongan serta kerjasama semua, banyak yang telah saya pelajari dan dalami sepanjang tahun lalu. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua.
4. Berbekalkan pengalaman tersebut, saya nekad untuk memimpin dan mengemudi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mencapai kecemerlangan yang lebih baik pada tahun ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Untuk tahun 2025, Kementerian Pertahanan menyaksikan peningkatan peruntukan daripada RM19.73 bilion pada tahun 2024 kepada RM21.13 bilion untuk tahun ini. Peningkatan sebanyak RM1.4 bilion ini adalah bersamaan 7.08% berbanding peruntukan tahun lalu.
6. Peningkatan peruntukan ini sekali gus meletakkan Kementerian Pertahanan dalam kelompok 3 Kementerian yang memperoleh peruntukan tertinggi, selepas Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.
7. Kesemua peruntukan ini bukan sahaja mesti dibelanjakan dengan telus, teratur dan berhemah. Tetapi, ia mesti memberi impak yang bermakna kepada Kementerian, ATM dan seluruh warga pertahanan.
8. Justeru, untuk tahun 2025, saya ingin menggariskan 10 fokus utama untuk kita sama-sama berikan perhatian.
9. **Fokus Pertama: Mencari dan Menarik Bakat Terbaik.**
10. Ketumbukan terbaik mesti dianggotai oleh bakat terbaik.
11. Kementerian Pertahanan dan ATM mesti mempunyai strategi yang berkesan dalam mengesan dan menarik bakat terbaik menyertai ATM.

12. Untuk itu, pada tahun ini kita akan:
 - a. **Pertama, menyemak semula kedudukan Akademi Latihan Ketenteraan (ALK) daripada segi pencapaian dan keberkesanan matlamat penubuhannya.** Faktor-faktor seperti keciciran dalam kalangan kadet, isu disiplin, kelestarian kos dan perbelanjaan, keanjalan dalam menetapkan bidang yang diperlukan, perlu diperhalus secara serius.
 - b. **Kedua, memikirkan pembiayaan khas bagi menaja pengajian pelajar-pelajar dalam bidang kritikal yang diperlukan ATM** dan mempertimbang pendekatan menebus hutang PTPTN graduan terpilih dalam kalangan anggota PALAPES yang berjaya diterima masuk ke dalam ATM.
13. **Fokus Kedua: Mengukuh Keistimewaan dan Kelebihan Perkhidmatan ATM.**
14. Perkhidmatan ATM merupakan perkhidmatan yang istimewa. Perkhidmatan ini bukan sahaja memberikan ruang dan peluang berkhidmat sebagai barisan hadapan dalam mempertahankan negara.
15. Tetapi dilengkapkan dengan pelbagai kelebihan tersendiri yang tidak terdapat dalam perkhidmatan awam yang lain.
16. Misalnya, anggota ATM mempunyai tempoh bersara yang awal, kewujudan jabatan khusus bagi menguruskan hal ehwal veteran, pemberian pelbagai insentif seperti tanggungan kos perubatan,

bantuan kemasukan anak ke universiti, dan pelbagai kelebihan lain.

17. Maka, bagi terus mengukuhkan keistimewaan dan keunikan perkhidmatan ATM ini, kita akan melaksanakan sekurang-kurangnya 3 penambahbaikan berikut.
18. **Pertama, mengiktiraf pengalaman anggota ATM dengan pemberian kelayakan sekurang-kurangnya diploma.**
19. Ini merujuk kepada Program Work Based Learning (WBL) yang telah diperkenalkan pada tahun lalu. Kita berterima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi peruntukan awal buat julung kalinya sebanyak **RM3 juta** untuk tahun ini.
20. Peruntukan ini membolehkan kita menawarkan program ini secara percuma kepada anggota ATM yang terlibat tanpa mengenakan apa-apa yuran atau caj pengajian.
21. Aspirasi utama program ini adalah bagi memastikan bakal pesara ATM yang memiliki pengalaman kerja diberikan kelayakan dan pengiktirafan yang sewajarnya sekali gus menjadi asas untuk mereka menyertai alam kerjaya kedua dan mendapat pekerjaan yang lebih baik.
22. Hari ini kita sudah berjaya memadankan beberapa jenis dan pengalaman kerja anggota ATM dengan kelayakan diploma yang bersesuaian di bawah 3 buah IPT iaitu UiTM, UTHM, dan UPNM.

23. Ketiga-tiga IPT ini sudah bersetuju untuk menawarkan sebanyak 10 program diploma kepada anggota ATM yang sedang berkhidmat, antaranya:
 - a. Diploma Seni Kulinari kepada anggota yang berkhidmat dan berpengalaman sebagai Penasihat Sajian
 - b. Diploma Pengurusan Hotel kepada Staf Petugas Wisma Pegawai (PEWIGA)
 - c. Diploma Pendidikan Islam kepada anggota yang berkhidmat sebagai Penyelia Dakwah
 - d. Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat kepada anggota yang berkhidmat sebagai Ketua Kerani
 - e. Diploma Pengajian Sukan kepada anggota yang merupakan Penyelia Jurulatih Jasmani
 - f. Diploma Sains Geomatik kepada anggota yang menjalankan tugas-tugas Geospatial dan juru ukur.
24. Pada tahun ini, kita akan terus merancakkan kerjasama ini dan membuat lebih banyak pemetaan bagi melihat kesesuaian program dengan institusi-institusi lain.
25. Buat masa ini, rundingan sedang dijalankan dengan DRBHU, UNiSZA dan UNiKL bagi mengenal pasti lebih banyak program

diploma yang dapat diikuti dan memberi manfaat kepada kebanyakan anggota kita. Khususnya kepada anggota dari rejimen atau kor yang besar.

26. Sasaran kita adalah memastikan manfaat WBL dapat dinikmati oleh majoriti anggota ATM.
27. **Kedua, PERHEBAT mesti digerakkan melalui kerjasama yang erat bersama dengan industri.**
28. Dalam menyediakan anggota untuk memasuki alam persaraan dan menyertai pasaran kerjaya kedua dengan lebih berkesan, program peralihan PERHEBAT tidak lagi boleh bersifat taklimat dan latihan dalam kelas. Tetapi harus memfokuskan kepada proses melakukan pemadanan secara terus dan agresif antara bakal pesara dengan pihak syarikat dan industri.
29. PERHEBAT mesti memastikan kolaborasi dan hubungannya dengan industri diperluas dan dimantapkan.
30. Saya berharap mulai sekarang, program peralihan akan dilakukan dengan menempatkan bakal pesara secara terus ke dalam pasaran sebenar di bawah pelbagai syarikat dan perlu meminimumkan sesi atau latihan di dalam kelas secara berpusat.
31. Kerjasama antara PERHEBAT dan TALENT CORPORATION MALAYSIA BERHAD (TALENTCORP) misalnya, yang melibatkan penawaran peluang pekerjaan oleh tujuh syarikat terkemuka seperti Micron Technology, Western Digital, FedEx, Walta Centre

of Excellence, Jabil, UWC Industrial Sdn. Bhd., dan Penang Port Sdn. Bhd, mesti diperbanyak dan dipelbagai.

32. **Ketiga, memantapkan program PROTEGE ATM.**
33. Kementerian kini sedang memuktamadkan perbincangan dengan pihak KUSKOP untuk kita mengambil alih dan menguruskan sendiri program PROTEGE ATM yang akan kita **jenamakan semula sebagai PRO WIRA.**
34. Pengambilalihan ini membolehkan fokus, kriteria kelayakan dan pemilihan peserta bagi program PROTEGE ATM diuruskan oleh kita sendiri. Ini bermakna, program PRO WIRA akan mempunyai syarat dan kriteria kita sendiri dan tidak lagi tertakluk kepada syarat-syarat umum yang terpakai kepada peserta lain di luar sana.
35. Di bawah program ini, dua kumpulan sasaran utama yang akan difokuskan adalah:
 - a. **Pertama, graduan dalam kalangan anak tentera** yang berminat untuk mendapatkan pendedahan industri bagi meningkatkan nilai kebolehpasaran mereka. Permohonan dan penempatan mereka akan diuruskan oleh Yayasan LTAT,
 - b. **Kedua, kumpulan veteran** yang dalam proses meneroka kerjaya kedua. Permohonan, pemadanan dan penempatan

mereka akan diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

36. Maka, bagi memastikan keberkesanan program ini, JHEV juga mesti melebarkan jaringan hubungan industri secara agresif dan meluas bagi membolehkannya membantu menempatkan para veteran yang layak di syarikat-syarikat yang menyertai program ini.
37. **Kerajaan memberi jaminan bahawa para veteran yang terlibat dalam program PRO WIRA ini akan menerima pendapatan minimum yang tidak kurang daripada RM2 ribu sebulan selama setahun.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

38. Pengenalan WBL, dan penyelarasan semula orientasi serta fokus PERHEBAT dan JHEV ini adalah bagi memastikan kita menyediakan bakal pesara dan veteran untuk memasuki alam persaraan yang baik dan berdaya saing.
39. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menekankan, bahawa persaraan daripada perkhidmatan ATM bukanlah bererti berhenti bekerja sepenuhnya. Sebaliknya, persaraan daripada ATM pada usia muda adalah satu titik peralihan ke alam kerjaya kedua yang membuka ruang untuk segala bakat, pengalaman dan kelebihan anggota kita disalurkan dalam bidang dan bentuk lain.
40. Meskipun kerajaan mempunyai tanggungjawab moral dalam memberikan pelbagai bantuan serta sokongan kepada pesara ATM, dan sememangnya pesara ATM kini merupakan kumpulan

yang menerima manfaat terbanyak daripada Kerajaan, kita tidak mahu pesara ATM bergantung sepenuhnya kepada pencen yang diperolehi. Apatah lagi, pada usia yang secara relatifnya masih muda, kebanyakan pesara masih layak dan berupaya untuk menyumbang dan bekerja dengan baik.

41. **Fokus Ketiga: Memperoleh dan Menambah Aset Serta Keupayaan Teknologi Yang Menjawab Keperluan dan Cabaran Semasa.**
42. Bagi tahun 2025, sebanyak kira-kira RM12 bilion diperuntukkan untuk tujuan perolehan aset dan kelengkapan ATM.
43. Antara perolehan aset utama yang telah diluluskan pada tahun ini termasuklah:
 - a. Meriam 105 milimeter Pack-Howitzer untuk Tentera Darat
 - b. Surface to Surface Missile (SSM) bagi kegunaan KD JEBAT milik TLDM
 - c. Dan 3 unit Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System (MALE UAS)
44. Selain itu, kita akan turut memastikan perkembangan dan kemajuan pembinaan aset-aset penting mencapai kemajuan yang dijadualkan. Ini termasuklah:

- a. LCS1 yang disasarkan kemajuan penyiapannya mencapai 96.52%. LCS1 kini telah memulakan Ujian Penerimaan Pelabuhan (HAT) dan Ujian Penerimaan Laut (SAT).
- b. LCS2, LCS3, LCS4 dan LCS5, masing-masing dijangka mencapai 86.61%, 76.60%, 65.05% dan 48.72% kemajuan. LCS2 juga telah diturunkan ke air dan sedang menjalani Setting To Work (STW). LCS3 pula sedang dalam persiapan akhir untuk diturunkan ke air yang dirancang pada Januari 2026.
- c. Bagi pembinaan kapal LMS Batch Kedua pula, kemajuan kerja bagi ketiga-tiga kapal tersebut dijangka mencapai 13.8% secara keseluruhannya pada Jun 2025. LMSB2-1, LMSB2-2 dan LMSB2-3 masing-masing disasarkan mencapai 17.1%, 13.9% dan 10.4% kemajuan.
- d. Pada masa yang sama, bagi pesawat FLIT-LCA KAI FA-50 Block 20 sedang mencapai status kemajuan sehingga 48% buat masa ini. Kita akan memantau perkembangan ini secara teliti pada tahun ini. Dan mengikut perancangan, 2 buah Pesawat pertama akan diterima pada Oktober 2026.
- e. Selain itu, kita sedang mengusahakan perolehan Pesawat Ronda Maritim (Maritime Patrol Aircraft (MPA)) untuk tujuan pengawasan kawasan maritim dan aset ini dijangka akan diterima pada bulan Jun dan September 2026.

45. Selain menerus dan melakukan pelbagai perolehan penting bagi melengkap dan memodenkan ketumbukan pertahanan kita, Kementerian akan turut memberi perhatian kepada usaha memenuhi keperluan aset dan keupayaan untuk berhadapan dengan ancaman bukan tradisional.
46. **Fokus Keempat: Memperkuuh Ekosistem Kesejahteraan.**
47. Pengukuhan dan pemerksaan aspek kesejahteraan pada tahun 2025 akan diperkemas dan diperluas dengan menumpukan kepada, antara lain, perkara-perkara berikut:
- a. **Pertama, Faedah Hilang Upaya (FHU)** yang telah disemak secara sepenuhnya dengan memberi kenaikan yang signifikan kepada kumpulan sasar yang lebih besar dan ramai akan mula dikuatkuasakan bermula Januari ini. Antara semakan dan penambahbaikan yang telah dipersetujui adalah:
- (i) **Pencen Hilang Upaya** akan diberikan kepada semua darjah hilang upaya (1% hingga 100%) dengan **memansuhkan Ganjaran Hilang Upaya secara sekali gus** (1%-19%) yang digunakan sebelum ini.
- (ii) **Julat Elaun Pelajaran Anak-Anak Penerima Pencen Hilang Upaya** dinaikkan daripada RM200 hingga RM685 setahun kepada RM1,600 hingga RM5,400 setahun mengikut tahap pendidikan.

- (iii) **Elaun Layanan Sentiasa** dinaikkan daripada RM440 sebulan kepada RM1,500 sebulan selaras dengan Perintah Gaji Minimum 2022.
- (iv) Dan akhirnya, kita bersetuju mewujudkan **Ganjaran Hilang Upaya Disebabkan Oleh Kecederaan Semasa Tugas Aktif (*Wounded In Action*)** yang akan diberi secara sekaligus (*one-off*) kepada semua anggota ATM yang mengalami kecederaan semasa tugas aktif seperti bertugas dalam operasi, bertugas semasa darurat, semasa menjalani latihan berisiko tinggi atau semasa menjalani latihan dalam rekrut dan ujian (untuk kecekapan tugas).
- b. **Kedua, program Simpanan Pendidikan MADANI**, iaitu **pembukaan akaun PTPTN bagi semua anak-anak ATM yang memasuki tahun 1 persekolahan**. Inisiatif ini akan diteruskan pada tahun ini dan akan menjadi kewajipan kepada semua ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka membuka akaun PTPTN.
- c. **Ketiga, pengenalan e-Perkasa SPM**, iaitu **program tuisyen online percuma kepada calon-calon SPM** yang berada di luar kem yang dijayakan bersama-sama dengan pembimbing dan guru terlatih dari UPSI akan diteruskan pada tahun ini.
- d. **Keempat, pemberian Chromebook percuma kepada semua pelajar tingkatan 5 yang terlibat dalam program tuisyen e-Perkasa SPM**. Tahun lalu, kita sempat

mengagihkan sebanyak 500 unit. Pada tahun ini, sasarannya adalah memastikan semua calon SPM dari kalangan anak-anak ATM menerima *Chromebook* atau peranti yang bersesuaian secara percuma.

48. Selain itu, **Kementerian turut komited untuk menjadikan kem-kem penempatan keluarga Angkatan Tentera di seluruh negara sebagai lingkungan kehidupan terbaik untuk semua penghuni.**
49. Kita percaya bahawa apa-apa kelebihan dan program kesejahteraan rakyat yang dilakukan oleh Kerajaan kepada masyarakat di luar sana, mesti turut dinikmati oleh penghuni di dalam kem-kem tentera.
50. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan memahami dan sangat menyokong aspirasi kita dan telah bersetuju meluluskan **RM10 juta bagi pelaksanaan Program Kem MADANI di seluruh negara bagi tahun 2025.**
51. Bagi memastikan impak yang jelas kepada penghuni kem-kem di seluruh negara, antara perubahan yang disasarkan termasuklah:
 - a. **Pertama, menjadikan kehidupan di dalam kem-kem tentera sebagai ruang menjana pendapatan tambahan kepada para penghuni.** Komitmen ini akan diterjemahkan melalui pelbagai program pemindahan ilmu dengan kerjasama universiti-universiti awam. Antara projek yang akan ditawarkan termasuklah Sistem Hidroponik Sifar Karbon

dengan kerjasama UTHM di Kem Mahkota Kluang, Johor. Kini kita juga sedang mengenal pasti kesesuaian kem-kem lain di seluruh negara untuk menjalankan pelbagai lagi projek seperti:

- (i) Projek Penanaman Cendawan Tiram
 - (ii) Projek Perniagaan Madu Kelulut
 - (iii) Projek Urban Vertical Farming & Fertigasi
 - (iv) Dan Projek Perniagaan Ikan Dalam Kanvas
- b. **Kedua, peluang dan pembiayaan mengikut kursus-kursus pendek dan bimbingan perniagaan di kolej komuniti kepada ahli-ahli BAKAT dan warga kem.** Program ini dicetuskan setelah menyedari terdapat kira-kira 92 buah kolej komuniti yang berada di dalam lingkungan bawah 20 km dari kem-kem tentera di seluruh negara. Justeru, warga ATM yang berminat untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri boleh memohon untuk menyertai pelbagai kursus yang ditawarkan oleh kolej komuniti yang berdekatan dengan kem masing-masing dan yuran kursus pendek tersebut akan ditanggung dan dibayar sepenuhnya melalui kerjasama Yayasan LTAT dan rakan strategik MINDEF, Pharmaniaga Berhad, yang sudah bersetuju menyumbang RM300 ribu bagi program ini.

52. Jika pada tahun lalu kita menerima sebanyak RM400 juta bagi tujuan senggaraan, pada tahun ini Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM426 juta. Jumlah ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM26 juta bersamaan 6.5%.
53. Peruntukan ini akan kita gunakan untuk menggandakan usaha menyelenggara dan menambah baik bangunan dan fasiliti RKAT serta blok-blok penginapan anggota di seluruh negara.
54. Dianggarkan lebih 12,000 unit RKAT dan penginapan anggota akan menerima manfaat daripada peruntukan senggaraan ini.
55. Selain itu, keselesaan dan kesejahteraan hidup di dalam kem akan turut ditingkatkan melalui inisiatif Jualan Istimewa MADANI Angkatan Tentera (JIMAT) oleh PERNAMA yang menawarkan harga yang lebih baik daripada Jualan Rahmah.
56. Saya harap anggota dan warga ATM menerima manfaat yang baik daripada program ini. Dan program ini akan kita teruskan dengan lebih rancak dan kerap pada tahun ini.
57. Saya sedar ramai dalam kalangan anggota ATM yang menjadi anggota Koperasi Tentera. Dalam hal ini, Koperasi Tentera mesti dipastikan berupaya memberikan pulangan yang baik.
58. Atas kesedaran itu, bermula pada tahun ini, Kementerian telah bersetuju untuk membenarkan Koperasi Tentera menawarkan perkhidmatan pembiayaan kepada syarikat-syarikat yang mendapat kontrak di bawah MINDEF.

59. Ini kerana, kita mahu memastikan koperasi berpeluang menjana lebih banyak keuntungan dan pulangan sekali gus membolehkannya menawarkan pengagihan dividen yang lebih baik kepada semua anggota ATM yang menjadi anggota koperasi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

60. **Fokus Kelima: Membangunkan Industri Pertahanan Tempatan Yang Kompetitif dan Berdaya Saing.**
61. Untuk tahun 2025, sasaran utama kita adalah menyiapkan Dasar Industri Pertahanan Negara dan melancarkannya semasa LIMA ‘25 pada bulan Mei nanti.
62. Memandangkan industri pertahanan mesti difahami dan diterima baik oleh masyarakat dan pemain industri, dasar yang berkaitan dengannya mesti dibangunkan secara komprehensif dan terbuka.
63. Untuk itu, Kementerian memutuskan untuk membuka ruang libat urus awam atau *public consultation*.
64. Dan portal dalam talian bagi libat urus ini akan kita lancarkan hari ini.
65. Portal ini akan menjadi saluran terbuka bagi membolehkan masyarakat, ahli akademik, pakar, pemain industri dan semua pihak bersama-sama terlibat dan berpeluang memberi pandangan,

cadangan serta saranan agar dasar yang dibangunkan bersifat praktikal dan strategik.

66. Untuk itu, saya menjemput semua pihak untuk tampil dan bersama-sama dengan Kementerian Pertahanan untuk kita bangunkan satu dasar industri pertahanan yang bermanfaat dan menyumbang secara bermakna kepada tanahair.
67. Seterusnya, saya ingin kongsikan juga bahawa pada tahun lalu, kerajaan telah bersetuju dengan penubuhan Strategic Defence Management (SDM), yang ditubuhkan melalui LTAT, yang bertujuan membantu Kementerian Pertahanan bagi mengurus dan menyusun segala strategi perolehan dan Industrial Collaboration Program (ICP) kementerian ini.
68. SDM akan turut membantu Kementerian untuk **membuat audit dan pemetaan terperinci terhadap semua pemain industri pertahanan tempatan**, lebih-lebih lagi ke atas syarikat-syarikat yang telah mendapat manfaat ICP melalui pemindahan teknologi.
69. Audit ini akan membolehkan kita menilai dan menganalisis kedudukan, perkembangan serta potensi syarikat-syarikat tersebut.
70. Pada masa yang sama, SDM juga akan **bertanggungjawab untuk merangka dan mengurus secara berkesan manfaat ICP atau offsets yang diterima di bawah kontrak-kontrak perolehan Kementerian dan ATM**.

Hadirin dan hadirat sekalian,

71. **Fokus Keenam: Merancakkan Kajian, Penyelidikan dan Pengkomersialan Inovasi Pertahanan Melalui STRIDE.**
72. Salah satu langkah yang kita ambil adalah dengan mengaktifkan Majlis Penasihat Sains dan Teknologi Pertahanan (MPSTP) di bawah STRIDE.
73. Objektif penubuhan Majlis Penasihat Sains dan Teknologi Pertahanan ini antara lain adalah bagi menentukan dasar, hala tuju dan perancangan sains dan teknologi pertahanan di peringkat nasional dan memastikan kejayaan pelbagai pelan kajian dan penyelidikan yang kita lakukan.
74. Saya gembira mendengar STRIDE telah menyenaraikan pelbagai bentuk penyelidikan kritikal yang akan dilakukan pada tahun ini. Antaranya adalah:
 - a. Pembangunan *Unmanned Aerial System* (UAS) yang akan memfokuskan kepada *Hybrid Vertical Take-off and Landing Mini Unmanned Aerial System (HVTOLMUAS)*, *Multicopter Mini Unmanned Aerial System (MMUAS)* dan *Tactical Unmanned Aerial System (TUAS)*
 - b. Dan pembangunan Sistem Persenjataan (Stabilized Remote Weapon System).

75. Saya harap kesemua pelan penyelidikan ini dapat dimulakan dan dilaksanakan dengan jayanya. Malah, sekiranya sesuai, sebahagian daripada penyelidikan ini boleh untuk kita pertimbang dan angkat sebagai projek nasional.
76. Yang pasti, STRIDE mesti menjalankan kajian, penyelidikan dan pengkomersialan (R&D and Commercialisation) inovasi pertahanan dengan lebih gigih dan proaktif. Khususnya melalui bekerjasama dengan pelbagai IPT dan industri.
77. **Fokus Ketujuh: Memperkemas dan Melebar Diplomasi Pertahanan.**
78. Kuasa lunak dan hubungan diplomatik sesebuah negara sangat memberi pengaruh kepada sektor pertahanannya.
79. Dalam konteks pertahanan, kita akan terus memperkasa diplomasi pertahanan dan memaksimumkan manfaat daripada perkongsian berwibawa sebagai satu strategi penting dalam mempertahankan kedaulatan negara.
80. Kementerian akan memfokuskan kepada usaha memperkuuh hubungan dengan negara-negara yang berupaya membantu memberi nilai tambah kritikal kepada aspek pertahanan Malaysia.
81. Antara Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pelbagai bidang dan kerjasama pertahanan yang perlu kita muktamadkan untuk ditandatangani pada tahun ini termasuklah bersama dengan

Amerika Syarikat, Mesir, UAE, Qatar, Arab Saudi serta MoU Kerjasama dalam Bidang Sains, Teknologi dan Pertahanan Nasional bersama **Korea Selatan**.

82. Kita menyedari bahawa melalui kerjasama dua hala (bilateral) dan pelbagai hala (multilateral), kita mendapat banyak manfaat dalam konteks pertahanan. Ia merangkumi aspek perkongsian teknologi, perkongsian maklumat serta pembinaan kapasiti dan kepakaran.
83. Justeru, selain memastikan semua MoU dan kerjasama sedia ada berjalan aktif serta diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan atau hasil yang produktif, kita akan terus meningkatkan penyertaan dalam pelbagai hubungan serta kerjasama bilateral dan multilateral.
84. Kementerian Pertahanan dan ATM mesti menyusun lebih banyak strategi dan kerjasama dengan pelbagai pihak, termasuklah negara-negara luar.
85. Misalnya, kerjasama dengan Australia sebagai rakan strategik bagi melatih dan membangunkan kapasiti anggota ATM dalam pengembangan doktrin pertahanan yang bersesuaian dengan cabaran dan keperluan Malaysia.
86. Malah, pelbagai eksesais dan latihan bersama di pelbagai peringkat, domain dan skala mesti terus dioptimumkan untuk memberi pendedahan dan pengalaman yang diperlukan oleh anggota kita.

87. **Fokus Kelapan: Mewujudkan Masyarakat Yang Patriotik Dan Menghargai Keamanan dan Kedaulatan.**
88. Selain bertanggungjawab memelihara kedaulatan negara dan keutuhan wilayah, adalah perlu untuk kita turut pastikan masyarakat kita sayang dan patriotik pada negara serta bersama-sama menyumbang dalam membina lingkungan yang selamat.
89. Perkara ini adalah latar yang tidak boleh dipisahkan daripada agenda pertahanan negara.
90. Ia bukan perkara yang bersifat sampingan atau sisipan. Tetapi, suatu fokus penting yang wajar diberikan perhatian serius.
91. Justeru, terdapat 2 perkara yang mesti kita fokuskan pada tahun ini.
92. **Pertama, memastikan kelancaran pelaksanaan PLKN 3.0.**
93. MINDEF dan ATM telah menyumbang secara bermakna dengan membenarkan 13 Kem Wataniah di seluruh negara digunakan bagi tujuan pelaksanaan PLKN 3.0. Ini sebetulnya adalah satu sumbangan Kementerian Pertahanan dan ATM kepada proses pembinaan bangsa.
94. Memandangkan Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM50 juta bagi tujuan penambahbaikan kem-kem wataniah serta pelaksanaan PLKN 3.0, saya seru agar kita memberikan perhatian

yang serius dan memastikan program ini bukan sahaja berjalan lancar.

95. Lebih penting, ia harus dipastikan mencapai 2 matlamat besar yang akan menyokong pertahanan menyeluruh atau HANRUH.
96. **Pertama**, PLKN 3.0 bertujuan melahirkan kumpulan masyarakat yang patriotik, yang hidup dengan mengamalkan nilai-nilai murni, mempunyai semangat perpaduan dan kerjasama serta membudayakan kesukarelawanan.
97. **Kedua**, kita ingin gunakan PLKN 3.0 sebagai medium untuk menanam pemahaman dalam generasi muda tentang kepentingan pertahanan dan kedaulatan negara serta memahami akan cabaran-cabaran yang kita hadapi.
98. Kita harus meyakinkan masyarakat di luar sana, betapa PLKN adalah ikhtiar penting kita untuk negara.
99. Saya telah berpeluang melawat dan mengikut sesi percubaan yang telah bermula pada Ahad lalu. Alhamdulillah, segala-galanya berjalan dengan baik.
100. Namun, sekiranya terdapat sebarang kelemahan dan kekurangan yang dikenal pasti, semua itu mesti diberikan perhatian dan diatasi dengan sebaik mungkin.

101. **Kedua, menjayakan kerjasama awam dan tentera (CIMIC).**
102. CIMIC merupakan salah satu bentuk sentuhan dan sumbangan kita kepada masyarakat.
103. Penterjemahan kerjasama ini mesti disusun dan dilaksanakan melalui pelbagai sentuhan kemasyarakatan yang meluas, bermakna dan berupaya mengundang rasa senang dan sokongan masyarakat terhadap pasukan pertahanan negara.
104. Untuk tahun 2025, kita telah menerima peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menjayakan program-program di bawah CIMIC. Jumlah ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM3,606,100 bersamaan dengan 36% berbanding peruntukan tahun 2024 (RM6,393,900).
105. Terdapat sekurang-kurangnya 10 komponen dan inisiatif yang akan dijayakan pada tahun ini. Salah satunya adalah **Program Jiwa Murni** yang menekankan konsep gotong royong dan usaha sama antara orang awam dan pasukan kejuruteraan ATM. Program ini akan diperuntukkan sebanyak RM3.2 juta.
106. Yang pasti, kita mesti memastikan segala program dan inisiatif di bawah CIMIC dilaksanakan dengan lancar, menyantuni mereka yang memerlukan dan menjadi salah satu strategi kita menyebarkan kesedaran dalam masyarakat awam akan fungsi dan peranan mereka dalam bersama-sama memastikan keamanan dan kedaulatan negara terpelihara.

107. **Fokus Kesembilan: Menyatakan Pandangan Dari Perspektif Pertahanan Agar Negara Berupaya Membuat Pendirian Kritikal Khususnya Dalam Mencermati Pelbagai Cabaran Serantau Dan Antarabangsa.**
108. Zaman dan kedinamikan geopolitik hari ini sudah sangat berubah dan mencabar. Setiap keputusan serta ketetapan Kerajaan mesti mengambil kira pelbagai faktor khususnya dimensi pertahanan dan kedaulatan negara.
109. Kesemua ini merentas dan melangkau aspek kesiagaan ketumbukan pasukan pertahanan sama ada dari aspek aset, sumber manusia mahupun teknologi.
110. Dalam hal ini, MINDEF tidak boleh sekadar menjadi pemerhati pegun dalam segala perkara yang memberi kesan kepada kedaulatan negara.
111. Sebagai pasukan barisan hadapan yang bertanggungjawab dalam segenap isu kedaulatan negara, MINDEF dan ATM mesti turut mempunyai keupayaan untuk menjadi suara lantang dalam memberi pencerahan serta pandangan konstruktif kepada Kerajaan dari sudut pertahanan.
112. Kita mesti berupaya mengemukakan pandangan, pendirian serta saranan yang dirasakan perlu khususnya dalam isu-isu besar yang melibatkan kepentingan pertahanan dan kedaulatan negara.

113. Isu-isu dan perkembangan semasa seperti konflik Rusia-Ukraine, perang dagang China-AS, perubahan iklim, keterjaminan makanan, kemunculan teknologi disruptif seperti A.I, serangan ke atas Gaza, pertukaran pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat, dan pelbagai perkembangan lain, kesemuanya harus dianalisis dan dinilai dari perspektif pertahanan dan kesannya kepada negara.
114. Ini termasuklah memberikan pandangan bagi membantu Kementerian ini membawa dan menjayakan komitmen Malaysia di pentas serantau dan antarabangsa.
115. Dalam hal ini, Kementerian melihat agensi paling sesuai dan relevan untuk menggalas tanggungjawab ini adalah MIDAS.
116. Justeru, MIDAS mesti membangunkan keupayaan sedemikian dan memainkan peranan utama sebagai pemikir dan penasihat kepada Kementerian, ATM dan Kerajaan secara umumnya.
117. Apatah lagi, sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, saya percaya Malaysia memerlukan Kementerian Pertahanan untuk memainkan peranan yang signifikan.
118. Sektor dan segmen pertahanan mempunyai cabaran dan isu tersendiri yang mesti diberikan perhatian di rantau ASEAN.
119. Justeru, dalam membantu menjayakan kepengerusian ASEAN oleh Malaysia, Kementerian Pertahanan akan memberikan perhatian kepada sekurang-kurangnya 3 fokus berikut:

- a. **Pertama**, memastikan sepanjang tempoh kepengerusian ASEAN oleh Malaysia, tidak berlaku sebarang peningkatan ketegangan atau pergeseran yang berpotensi membawa kepada konflik serantau.
 - b. **Kedua**, Kementerian Pertahanan akan memastikan ASEAN diangkat sebagai platform diplomasi terbaik dalam menguruskan sebarang cabaran serantau terutamanya melalui saluran ADMM dan ADMM Plus yang akan diadakan pada 17-21 November nanti.
 - c. **Ketiga**, kita akan menjadikan ASEAN sebagai peluang memperkemas pelbagai latihan, kerjasama serta diplomasi pertahanan di rantau ini dengan negara-negara anggota, negara-negara pemerhati dan rakan strategik ASEAN yang lain.
120. **Dalam konteks keamanan sejagat pula, penglibatan Malaysia dalam misi-misi keamanan sejagat dan pemeliharaan hak asasi di bawah panji-panji badan antarabangsa seperti PBB akan diteruskan.**
 121. Penyertaan dan sokongan Malaysia dalam misi UNIFIL misalnya, akan terus kita jayakan dengan komited.
 122. Namun, ini sama sekali tidak bermakna bahawa kita tidak akan bersuara lantang untuk memastikan sebarang penambahbaikan

serta pemerkasaan misi-misi tersebut diberikan perhatian yang sewajarnya oleh badan-badan terlibat seperti PBB.

123. Saya berhasrat untuk membawa mesej penting ini semasa penyertaan dalam UN Peacekeeping Ministerial 2025 di Berlin, Jerman pada 13-14 Mei nanti.
124. Yang pasti, Kementerian Pertahanan akan memastikan segala pendekatan, persediaan, corak latihan serta keperluan aset yang bersesuaian untuk membolehkan penyertaan dan sumbangan berkesan Malaysia dalam misi-misi pengaman dunia diberikan perhatian yang sewajarnya.
125. Komitmen ini dipasakkan pada kepercayaan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif mesti kekal menjadi suara dan kuasa penengah yang neutral, berprinsip dan tegas.
126. **Fokus Kesepuluh: Merundingkan RMK-13 Secara Strategik Bagi Memenuhi Keperluan Pertahanan Negara.**
127. Seperti yang kita tahu, pada tahun ini RMK-13 akan dibentangkan. Bagi MINDEF, kita akan mengambil peluang penting ini untuk merundingkan pelbagai perkara penting kepada sektor pertahanan.
128. Saya percaya perkembangan semasa menuntut kita untuk menyemak pelbagai perkara. Keperluan MINDEF dan ATM, adalah keperluan nasional sama sekali tidak boleh dipandang enteng atau ditangguh-tangguhkan.

129. Justeru, rundingan kita dalam RMK-13 mesti serius, bersifat jangka panjang, dan merangkumi elemen-elemen besar dan kritikal pertahanan.
130. Ia mesti, antara lain, menjawab perkara-perkara berikut:
- a. **Pertama**, keperluan meningkatkan kesiagaan ATM dan keupayaan memastikan pembangunan Angkatan Masa Hadapan dapat dilakukan dengan baik. Ini turut bermakna, segala kesenjangan dan kekurangan yang ada sama ada dalam aspek kesiagaan ketumbukan, pemodenan aset, keperluan sumber manusia mahu pun teknologi mesti diberikan perhatian, khususnya dalam berhadapan dengan ancaman bukan tradisional.
 - b. **Kedua**, kepentingan membangunkan kapasiti serta keupayaan bagi menguruskan cabaran-cabaran serantau dengan lebih berkesan. Misalnya cabaran di Laut China Selatan.
 - c. **Ketiga**, keperluan untuk Kementerian, ATM dan sektor pertahanan negara secara keseluruhannya beradaptasi secara berkesan dengan pelbagai *megatrends* dunia seperti ESG, *big data analytics* dan AI.
 - d. **Keempat**, bergantung kepada dapatan dari kajian kesesuaian oleh ATM kelak, RMK-13 mesti menjadi ruang untuk kita turut

menghujahkan kepada Kerajaan mengenai pasukan siber yang komprehensif.

131. Sehubungan dengan itu, **saya memberi tanggungjawab kepada pihak ATM untuk melakukan satu kajian terperinci berhubung keperluan, kesesuaian dan kelestarian mempunyai sebuah pasukan siber yang berkesan.**
132. Kita mesti menilai kedudukan, keupayaan serta strategi kita dalam berhadapan dengan pelbagai spektrum dan cabaran *cyber security*, *cyber defence*, *cyber offensive* dan aspek yang berkaitan dengannya, sekali gus memastikan yang keupayaan kita berada pada tahap yang baik.
133. Hasil dan dapatan kajian ini akan seterusnya kita kemukakan ke perhatian pihak kerajaan dengan selayaknya.
134. Pada masa yang sama, Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan yang telah disiapkan, mesti diambil tindakan yang sewajarnya. Kita mensasarkan untuk membentangkan Kajian Separuh Penggal ini kepada Kerajaan pada Suku Pertama tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

135. Saya ingin mengambil ruang dan peluang ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerja keras sepanjang tahun 2024.

136. Terima kasih kepada semua kakitangan Kementerian Pertahanan, anak-anak syarikat Kementerian, entiti-entiti di bawah Kementerian serta semua pihak yang telah berkhidmat dengan cemerlang, jujur dan berdedikasi.
137. Terima kasih atas sumbangan, kesungguhan serta komitmen semua pihak.
138. Sekalipun saya percaya banyak yang telah berjaya kita ubah dan capai bersama pada tahun lalu, masih banyak yang harus kita usahakan dan tambah baik.
139. Marilah kita bersama-sama menanam azam dan iltizam yang selari dengan nada dan nadi keperluan pertahanan Malaysia.
140. Saya ingin mengkhususkan bahagian terakhir perutusan saya ini dengan merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan penuh ikhlas daripada saya secara peribadi, daripada Kementerian Pertahanan, daripada Kerajaan dan daripada seluruh rakyat Malaysia, kepada setiap seorang anggota Angkatan Tentera Malaysia.
141. Khususnya kepada Panglima Angkatan Tentera (PAT) dan semua barisan kepimpinan ATM di dalam semua perkhidmatan.
142. Terima kasih atas segala sumbangan, pengorbanan, keberanian, kesetiaan dan keperwiraan yang telah diberikan dalam memelihara kedaulatan tanah air.

143. Terima kasih kerana mendahulukan tugas dan tanggungjawab pada negara berbanding segala kepentingan diri.
144. Terima kasih kerana menjadi perwira yang memagar setiap inci tanah dan laut dan memayung segenap ruang udara ibu pertiwi ini dengan penuh berani.
145. Tidak ketinggalan kepada semua anggota MALBATT khususnya yang telah menyertai misi UNIFIL di bawah panji PBB.
146. Terima kasih kerana membawa semangat dan kecintaan seluruh rakyat Malaysia terhadap keamanan ke pentas dunia.
147. Sesungguhnya, tidak ada ungkapan yang dapat sesiapa pun lafazkan untuk menggambarkan betapa besarnya jasa dan bakti kalian pada negara ini.
148. Apa yang saya mampu katakan, saya akan memberikan yang terbaik untuk memastikan ATM terus disokong oleh Kerajaan, dihormati oleh kawan dan disegani segenap lawan, insya-Allah.
149. Yang pasti, saya tabik wira-wira kita!
150. Akhir kata, semoga tekad dan kerja keras semua pihak akan dipermudah oleh Allah SWT dalam menyumbang dan memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang berdaulat, selamat dan makmur.

151. Terima kasih semua atas perhatian dan komitmen yang diberikan.
152. Selamat tahun baharu 2025.
153. Sekian, terima kasih.